

## Trak makanan wajib patuhi garis panduan keselamatan kebakaran

Yulpisman Asli

26 September 2019 2:44 PM



**Mohammad Mentek merasmikan Majlis Taklimat Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Trak Makanan di Putrajaya, hari ini.**

**PUTRAJAYA 26 Sept.** - Pengusaha trak makanan (food truck) baharu diwajibkan mematuhi Garis Panduan Keselamatan Kebakaran yang akan menjadi prasyarat mendapatkan lesen perniagaan food truck pada masa depan.

Garis panduan itu difahamkan turut membabitkan perlindungan insurans dalam kalangan peniaga trak makanan.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek, langkah itu bagi memastikan keselamatan perniagaan trak makanan yang semakin menjadi trend dalam kalangan khususnya golongan muda.

Jelasnya, pihak kementerian akan berbincang dengan agensi dan kementerian lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang terlibat dalam pengendalian trak makanan di dalam negara.

Beliau berkata, meskipun bilangan kes kebakaran membabitkan trak makanan kecil iaitu empat kes setakat Ogos 2019, namun sedikit meningkat berbanding tahun 2018 iaitu dua kes dan tiga kes tahun sebelumnya.

Justeru katanya, bagi memastikan kes-kes kebakaran ini tidak meningkat, maka setiap pengusaha trak makanan disyaratkan menjalani latihan-latihan berkaitan housekeeping dan keselamatan kebakaran yang perlu.

"Garis panduan itu akan menyatakan sistem 'layout' di mana tempat masak dan tong gas diletakkan diasingkan. Kalau dahulu tempat memasak dan tong gas berdekatan. Ini akan memberikan satu risiko kebakaran yang tinggi.

"Kita berharap dengan adanya garis panduan ini peniaga dapat mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan trak makanan itu daripada terbakar. Kalau terbakar ia juga akan menyebabkan pelanggan sebagai mangsa.

"Kita berharap peniaga-peniaga trak makanan ini dapat mematuhi garis panduan yang telah disediakan oleh jabatan bomba," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian taklimat garis panduan itu di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Mohammad Hamdan Wahid.

Mengenai pengusaha trak makanan sedia ada, beliau berkata, mereka akan diberi tempoh bersesuaian untuk mematuhi garis panduan itu sekiranya mahu memperbaharui lesen perniagaan.

Difahamkan, peniaga sedia ada diberi tempoh sehingga dua tahun untuk memenuhi garis panduan itu.

Menurut Mohammad, selain aspek keselamatan kebakaran, trak makanan yang akan datang juga akan memenuhi ciri-ciri pengurusan pepejal yang tiada pada trak makanan sedia ada.

"Ada tempat pembuangan sampah dan saliran air yang betul, tempat penyimpanan air yang telah digunakan, termasuk tempat minyak-minyak yang telah digunakan supaya tidak dibuang ke merata tempat," katanya. - UTUSAN ONLINE

